

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan

Peruntukan undang-undang wakaf di Indonesia yang kurang dalam pemeraksanaan ekonomi umat dan hanya terarah untuk kepentingan kegiatan-kegiatan ibadah khas. Hal ini dikesan melalui keterbatasan umat Islam dalam memahami pengertian wakaf, sama ada mengenai harta yang diwakafkan, peruntukan wakaf mahupun nazir wakaf. Pada amnya umat Islam di Indonesia memahami bahawa peruntukkan wakaf hanya terbatas untuk kepentingan ibadah sahaja dan hal-hal yang lazim dilaksanakan di Indonesia seperti di beberapa tempat seperti masjid, *musolla*/surau dan lain-lain. Pelaksanaan wakaf di Indonesia dapat memberi kesejahteraan sosial kehidupan masyarakat, namun ianya perlu pengurusan secara optimum oleh institusi-institusi wakaf dan juga nazir. Bagi menyokong atau mengoptimumkan sistem wakaf, seseorang nazir memerlukan pengurusan wakaf secara nasional yang berfungsi memberikan pertimbangan dalam pengurusan wakaf dan juga mampu berfungsi untuk pengelolaan wakaf yang produktif.¹

Wakaf adalah suatu amalan yang dapat memberikan sumbangan penting kepada kesejahteraan masyarakat Islam khususnya dan tidak terkecuali kepada yang lain, walhal ia merupakan suatu ibadah dalam melaksanakannya. Oleh yang demikian, pelaksanaan tanah wakaf sangat memberikan impak yang positif dalam membantu golongan-golongan yang sangat memerlukan lantas dengan pelaksanaan wakaf di Bandar Medan

¹ H.Tulus, "Manajemen Kelembagaan Wakaf", di sampaikan pada: Workshop International tentang "Pemberdayaan Ekonomi Umat Melalui Pengelolaan Wakaf Produktif" yang dilaksanakan oleh International Institute of Islamic Thought (IIIT), Batam 7 Januari 2002), 3

adalah satu tanggungjawab yang besar dalam meningkatkan mutu kehidupan masyarakat Islam khususnya serta membaik pulih ekonomi umat Islam itu sendiri. Berdasarkan hasil kajian ini, sama ada secara perpustakaan dan lapangan melalui temu bual bersama *Ketua Kementerian Agama Bandar Medan*, (Bapa Drs. H. Abdul Rahim, M.Hum) dan (Bapa Panigoran Siregar, S.Pd. MM,) *Kepala Bidang Haji, Zakat dan Wakaf Kementerian Agama Bandar Medan*, (Bapa Dr. H. Maratua Simanjuntak), *Ketua Bazis Badan Amil Zakat Infak dan Sedekah Sumatera Utara* dan (Drs. H, Muktar Amin, BA) *Kepala Majelis Pendidikan Perguruan Al-jamiatul Washliyah*, penyebaran soal selidik serta menemubual kepada mereka yang layak menerima hasil daripada wakaf tanah. Hasil daripada susulan tersebut mendapati bahawa melalui hasil wakaf ini telah membantu masyarakat Islam yang ada di Bandar Medan, baik segi pendapatan, pendidikan anak mereka dan kesihatan yang merupakan keutamaan dalam menjalani kelangsungan hidup.

Dengan banyaknya tanah wakaf yang belum dimanfaatkan secara maksimum ada upaya positif pihak-pihak yang berhubungkait serta peduli untuk pengembangan tanah wakaf sehingga memberikan hasil yang manfaatnya boleh dirasai masyarakat Islam terhadap pemanfaatan tanah wakaf tersebut. Untuk itu, pihak-pihak yang mengendalikan tanah wakaf baik daripada pihak kerajaan mahupun Kementerian Agama Islam di Medan telah menilai tanah wakaf yang mempunyai potensi untuk dikembangkan sehingga hasil yang diperoehi dapat digunakan demi keperluan umat Islam yang ada di Bandar Medan dan sekitarnya.

Lokasi tanah wakaf produktif yang kini tersebar di pelbagai tempat di kawasan Bandar Medan belum dimanfaatkan, sehinggakan tanah wakaf tersebut menjadi

perebutan oleh pihak-pihak ahli waris yang telah mewakafkan tanah tersebut kepada institusi Islam. Maka pihak-pihak kerajaan harus lebih proaktif untuk menyelamatkan harta-harta wakaf yang merupakan amanah dari para pewakaf.

Dalam kajian Sumbangan Wakaf Tanah Produktif di Bandar Medan, bahawa pemanfaatan tanah wakaf yang produktif sangat memberikan suatu kemudahan kepada masyarakat yang miskin, rendah pendapatan perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang murah. ketika sebelum tanah wakaf di dimanfaatkan dan ini nampak jelas dari hasil kajian yang dilakukan bahawa terdapat perbezaan yang ketara daripada sebelum tanah wakaf dimanfaatkan. Hal ini sesuai dengan fungsi wakaf yang disebutkan pasal 5 Undang-undang Nombor 41 tahun 2004 yang menyatakan “wakaf berfungsi untuk mewujudkan potensi dan manfaat ekonomik harta benda wakaf untuk kepentingan ibadah dan untuk memajukan kesejahteraan umum”.

Dapatan kajian tentang “*Sumbangan Wakaf Tanah Produktif Terhadap Peningkatan Sosio-Ekonomi Masyarakat Islam di Medan, Sumatera Utara*” perlu di galakkan di setiap daerah dan wilayah di Sumatera Utara yang memiliki tanah wakaf yang luas bertujuan memberi sokongan dan bantuan kepada masyarakat Islam untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat miskin.

Fenomena yang terjadi di Bandar sekarang ini bahawa tanah wakaf sudah mulai di perhatikan oleh lembaga-lembaga Islam khasnya Kementerian Agama Islam Bandar Medan untuk memanfaatkan wakaf tanah yang memiliki nilai ekonomi tinggi.

5.2 CADANGAN

Pihak Pengurusan wakaf harus lebih bertanggungjawab keatas institusi Nazir yang ada kepada kerajaan dan masyarakat umum perlu diwujudkan iaitu:

Pertama, perlunya satu gerakan yang mempelopori keterbukaan dalam semua aspek institusi nazir baik dalam lingkungan mahupun jihad yang bersifat sistematik untuk menutup ketidakjujuran, penyelewengan, kecurangan dan sebagainya dalam pengurusan harta dan kewangan demi kesejahteraan masyarakat banyak

Kedua, penggunaan sistem *public accountability* atau pertanggungjawabkan dalam pengelolaan wakaf. Suatu tanggungjawab hendaklah dilaksanakan dengan sifat amanah dan jujur. Dua hal tersebut memang harus dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin mahupun didunia mahupun diakhirat kelak. Sehingga wakaf boleh dijadikan wahana yang menjanjikan kepentingan kesejahteraan masyarakat dengan menjunjung tinggi nilai profesionalisma etos yang kerja baik.

Ketiga, lembaga nazir seharusnya melaksanakan satu bahagian organisasi dalam pengumpulan dan penjagaan hak data-data yang berkaitan dengan tanah wakaf. Hal ini penting untuk menghindari terjadinya pola pengambilan keputusan secara sebelah pihak dalam kalangan elit dalam institusi nazir. ²

Harta wakaf memainkan peranan penting sebagai salah satu sumber kekuatan ekonomi bagi umat Islam. Perkara ini telah menggariskan tiga peranan utama yang dimainkan oleh harta wakaf untuk membangunkan agama, masyarakat dan negara umat

² Departemen Agama RI (2005), 45

Islam, iaitu dari sudut ajaran Islam itu sendiri, ekonomi dan juga sosial. Aspek pelaburan yang ditekankan bukan sahaja tertumpu kepada aspek ekonomi malah aspek sosial yang menjadi teras kepada kemajuan umat Islam.³

Majelis Agama Islam seharusnya merencana ke arah manakah manfaat yang diperolehi boleh disumbangkan. Oleh yang demikian, Majelis Agama Islam boleh mengenalpasti yang mana satukah hartanah wakaf yang tidak ekonomi dan mencari jalan untuk membangunkannya supaya boleh menjana manfaat untuk kegunaan pembangunan umat Islam.⁴

Wujudnya ketenangan dan kemakmuran masyarakat Islam telah diramal oleh Nabi SAW, baginda sudah pun mengenal pasti dengan terlaksananya sistem Islam di amalkan dengan baik dan sempurna, kemakmuran yang berterusan, keamanan, dan kesejahteraan yang merata ke seluruh lapisan masyarakat sehingga tidak ada lagi orang yang berhak menerima sedekah, tentu sahaja hal ini wujud bila sistem Islam di amalkan secara menyeluruh.⁵

Rentetan daripada cadangan mengenai penubuhan institusi wakaf yang khusus strategi pelaburan yang digariskan mestilah mampu untuk menjana harta wakaf untuk kepentingan Islam. Antara strategi yang boleh dimanfaatkan ialah:

- i. Menjadikan kepentingan masyarakat Islam dan negara sebagai nadi utama untuk menggerakkan perkembangan harta wakaf.

³ Noor Naemah Abd Rahman, *Fatwa Wakaf di Malaysia Analisis Khusus di Negeri Kelantan*, dalam *Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, Wakaf Memartabatkan Kecemerlangan Ummah*, Kuala Lumpur Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, 2006), 9

⁴ Safiah Binti Mohamed Dkk, *Kearah Pelaksanaan Sistem Perakaunan Wakaf Yang Piawai*, dalam *Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, Wakaf Memartabatkan Kecemerlangan Ummah* (Kuala Lumpur, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, 12-14 September 2006), 8

⁵ Yusuf Qardhawi, *Kiat Islam Mengentaskan Kemiskinan*, terj, Syafril Halim, *Musykilah Al-fagr wakaiifa' Aalajaha al-Islam*, (Jakarta: Penerbit Gema Insani Press 1995),1: 182

- ii. Pulangan kewangan dan faedah sosial yang seimbang.
- iii. Kepelbagaian dalam pelaburan yang bertujuan untuk mengurangkan risiko.
- iv. Kombinasi portfolio pelaburan yang optimum yang merangkumi hartanah, ekuiti (musyarakah, mudharabah) dan kewangan (ijarah, murabaha, takaful)
- v. Penglibatan dari pelabur-pelabur institusi, awam serta institusi wakaf sendiri dengan kemungkinan untuk mewujudkan perkongsian.
- vi. Segala aktiviti pelaburan mestilah tiada unsur-unsur kemungkaran dan diterima oleh Islam.⁶

⁶ Hishamuddin Mohd Ali, *Pelaburan Wakaf: Strategi dan Rangka Kerja Perundangan Islam*”, dalam *Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, Wakaf Memartabatkan Kecemerlangan Ummah* (Kuala Lumpur, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, 12-14 September 2006), 1